USUL 1:

Bahawa Sidang MPBN ini mengambil ketetapan agar Kerajaan memberi penumpuan dalam usul Pemerkasaan Belia OKU iaitu:

- **a. Mengembangkan Program Belia OKU yang Inklusif**
    - **Tujuan:** Memperkasakan belia OKU dalam kepimpinan, keusahawanan, sukan, dan kemahiran bagi meningkatkan keyakinan diri, integrasi sosial, serta menjadikan mereka aset negara.
    - **Penyebaran Maklumat:** Memperluas hebahan program, bantuan, dan latihan melalui media sosial, komuniti, persatuan OKU, serta platform kerajaan agar sampai kepada kumpulan sasaran.
- **b. Meningkatkan Kerjasama Antara Agensi**
    - Jalin kerjasama strategik antara KBS, JKM, Kerajaan Negeri, PBT, NGO, sektor swasta, dan pertubuhan belia.
    - Setiap pihak memainkan peranan mengikut kepakaran masing-masing (latihan, pendidikan, pekerjaan, keusahawanan, sukan, dan kebajikan).
- **c. Menyediakan Peruntukan Bersasar dan Cukup**
    - Menambah dana khusus untuk program belia OKU merangkumi latihan kemahiran, keusahawanan, sukan, kepimpinan, peralatan sokongan, serta penganjuran aktiviti di peringkat daerah dan negeri.

USUL 2

Bahawa Sidang MPBN ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Negeri melihat satu cadangan Ruang Khas Belia Terengganu (The Commers Youth – TCY)

- Tujuan: Majlis Belia Negeri Terengganu (MBNT) mencadangkan penyediaan ruang khas yang kondusif, terbuka, dan mesra belia sebagai pusat berkumpul bagi aktiviti pembangunan, kepimpinan, keusahawanan, kesukarelawanan, kreativiti, serta interaksi sosial golongan muda.
- Cadangan Lokasi:
    - Bangunan Kraf Ladang
    - Bukit Panorama
    - Bukit Puteri
    - THRDC
- Cadangan Kemudahan:
    - Ruang perbincangan / bilik mesyuarat
    - Ruang keusahawanan / perniagaan
    - Ruang aktiviti
    - Akses Wi-Fi

- Ruang khas pertubuhan belia

USUL 3:

Bahawa Sidang MPBN ini mengambil ketetapan agar Kementerian Belia dan Sukan bersama Kerajaan Negeri agar satu cadangan Pelaksanaan Kad Belia Malaysia (KBM)

- **Tujuan:** Mencadangkan Kerajaan melalui KBS mewujudkan **Kad Belia Malaysia (KBM)** terintegrasi dengan Dashboard Belia KBS bagi menghimpunkan manfaat, insentif, kemudahan, serta peluang pembangunan belia secara tersusun, di samping menggalakkan penglibatan aktif belia dalam aktiviti kerajaan, komuniti, dan negara.
- **Peningkatan Kapasiti & Ciri-Ciri Utama:**
  - **Pendaftaran Automatik:** Mengandungi pendaftaran automatik bagi rakyat Malaysia berumur 15 hingga 30 tahun.
  - **Reka Bentuk & Tempoh Sah:** Kad grafik menarik berjenama KBM di bawah seliaan KBS, sah sehingga pemegang berumur 30 tahun (berdasarkan tarikh lahir).
  - **Ciri Teknikal:** Dilengkapi sistem cip pelbagai fungsi dan kod QR yang terhubung terus dengan pautan Dashboard Belia KBS.

USUL 4:

Bahawa Sidang MPBN ini mengambil ketetapan agar Kerajaan memberi penumpuan dalam terhadap Penambahbaikan Program Sejati Madani Belia.

- **Tujuan Utama:** MBNT memohon agar proses kelulusan Sejati Madani Belia diperkemas dan dipercepatkan serta peruntukan ditingkatkan bagi membolehkan lebih banyak projek berimpak dilaksanakan di peringkat akar umbi.
- **Cadangan Syor / Langkah Penambahbaikan:**
  - **Proses Kelulusan:** Memperkemas proses permohonan supaya lebih pantas, telus, dan mesra belia.
  - **Kriteria Penilaian:** Menyediakan kriteria penilaian yang lebih jelas dan tersusun.
  - **Maklum Balas & Bimbingan:** Memberi justifikasi/sebab yang jelas bagi permohonan yang tidak diluluskan supaya pertubuhan belia dapat membuat penambahbaikan dan memohon semula.
  - **Mekanisme Rayuan:** Mewujudkan saluran rayuan atau semakan semula bagi permohonan yang gagal.